

## **Undang-Undang dan Pengurusan Alam Sekitar Menurut Islam**

ABDUL BASIR MOHAMAD

### **ABSTRAK**

*Naluri manusia tidak bertentangan dengan kehendak Islam, dan prinsip-prinsip Islam pula tidak bertentangan dengan perasaan dan kehendak manusia. Perkara yang diharamkan oleh Islam, juga tidak dikehendaki oleh manusia. Dalam pemeliharaan dan pemuliharaan alam sekitar, kehendak Islam seiring dengan kehendak dan cita rasa manusia. Bagaimana pun sifat tamak manusia menyebabkan mereka tidak memperdulikan alam sekitar dan sanggup melakukan apa sahaja asalkan hajat yang tamak dapat dipuaskan. Mereka juga menentang pihak yang melaksanakan undang-undang dan pihak yang mendedahkan kes-kes yang berkaitan dengan pencerobohan peraturan alam sekitar. Jika pencerobohan alam sekitar tidak dipersetujui oleh masyarakat setempat dan pejuang-pejuang perlindungan alam sekitar, ia juga ditentang oleh Islam. Kertas ini membincangkan undang-undang dan peraturan pengurusan alam sekitar menurut pandangan Islam.*

### **ABSTRACT**

*Human being's natural inclination is not contrary to Islam, and Islamic principles are not contrary to human beings' natural feeling and needs too. Things that are offensive to Islam are also not wanted by human. In the protection of the environment, what is required by Islam is in line with human beings' need and tastes. However, human beings' greed leads to disregard of the environment, and they may do anything possible so long as their greedy desires can be satisfied. They may also act against those who enforce laws, and those who exposed cases related to the violation of environmental laws and regulations. If the adverse intrusion into the environment is against the wills of the local communities and environmentalists, it is also against Islam. This paper looks into the environmental management laws and regulations from Islamic perspective.*

### **PENDAHULUAN**

Naluri manusia pada asasnya tidak bertentangan dengan kehendak Islam, dan begitu juga kehendak Islam, semuanya sesuai dengan naluri manusia. Sebarang perkara yang diharamkan oleh Islam, sebenarnya naluri

manusia juga tidak menghendakinya. Sehubungan dengan pemeliharaan dan pemuliharaan alam sekitar, didapati bahawa kehendak Islam seiring dengan kehendak dan cita-cita manusia. Cita-cita manusia tidak mahu melihat kerosakan muka bumi dan alam sekitar. Wahyu Allah (s.w.t.) jelas terpapar dalam al-Qur'an, Surah al-Ma''idah, ayat 33 yang bermaksud: "Hanyasanya balasan orang-orang yang memerangi Allah dan RasulNya serta melakukan bencana kerosakan di muka bumi...".

Ayat ini merupakan ayat ancaman kepada manusia yang ingin melakukan rompakan atau keganasan merampas dan membunuh manusia. Allah (s.w.t.) seterusnya menyatakan dalam ayat tersebut yang bermaksud: "Hukuman yang demikian itu adalah suatu kehinaan di dunia bagi mereka, dan di akhirat kelak mereka beroleh azab siksa yang amat besar".

Dalam Surah yang sama, ayat 64, walaupun ayat ini ditujukan kepada orang-orang Yahudi, tetapi hasrat yang sama juga kepada semua manusia, firman Allah (s.w.t.) yang bermaksud: "...dan mereka pula terus-menerus melakukan kerosakan di muka bumi, sedang Allah tidak suka kepada orang-orang yang melakukan kerosakan".

Allah (s.w.t.) menjelaskan pula berkaitan dengan sikap orang-orang munafik (iaitu orang yang bersikap talaam dua muka), di mana mulut mereka mengucapkan keimanan, padahal hati mereka penuh dengan keingkaran (al-Baqarah: 8). Golongan ini memberi gambaran penerokaan alam sekitar dengan slogan pembangunan, sedangkan hati mereka terselit dengan sifat ketamakan yang amat dahsyat, tanpa memperdulikan keburukan yang akan ditanggung oleh masyarakat awam dan generasi manusia seterusnya. Kata-kata golongan ini bak kata perpatih seperti menanam tebu di hujung bibir, yang mana gula yang dihasilkan berupa racun yang merosakkan. Firman Allah (s.w.t.) dalam Surah al-Baqarah, ayat 11 dan 12 yang bermaksud:

*"Dan apabila dikatakan kepada mereka: "Janganlah kamu membuat bencana dan kerosakan di muka bumi", mereka menjawab: "Sesungguhnya kami orang-orang yang hanya membuat kebaikan. Ketahuilah! Bahawa sesungguhnya mereka itulah orang-orang yang sebenar-benarnya membuat bencana dan kerosakan, tetapi mereka tidak menyadarinya".*

Sifat tamak yang ada dalam diri manusia sewajibnya dikikis supaya ia tidak mempengaruhi tingkah laku seseorang untuk tidak memperdulikan alam sekitar dan sanggup melakukan apa sahaja asalkan hajat ketamakannya itu tercapai. Malahan mereka sanggup membunuh manusia lain yang mahu melaksanakan undang-undang atau yang mahu mengenalpasti sesuatu kes yang berkaitan dengan salah guna kuasa dalam

aspek pencerobohan peraturan alam sekitar. Berkaitan dengan sifat tamak manusia ini, Allah (s.w.t.) telah memberi amaran yang keras dalam Surah al-Takathur, ayat 1 hingga 8, yang sebahagian ayat-ayat itu bermaksud:

*"Kamu telah dilalaikan (daripada mengerjakan amal bakti) oleh perbuatan berlumba-lumba untuk mendapat dengan sebanyak-banyaknya (harta benda, anak pinak, pangkat dan pengaruh), sehingga kamu masuk kubur.....Selain dari itu, sesungguhnya kamu akan ditanya pada hari itu (hari Kiamat), tentang segala nikmat (yang kamu telah menikmatinya)".*

Ayat ini dengan jelas menyatakan bahawa segala kesenangan yang diperolehi semasa di dunia dengan sikap tamak, kemungkinan sehingga melakukan sesuatu yang merosakkan alam sekitar, maka ia adalah perbuatan yang amat dikeji. Perbuatan yang boleh merosakkan alam sekitar tanpa kajian terlebih dahulu, tanpa mengira bentuknya seperti pencerobohan taman-taman pertanian, mengalirkannya sisa-sisa toksik ke dalam aliran air, pembuangan bangkai atau najis binatang ke dalam sungai dan sebagainya adalah antara perbuatan yang keji dan bertentangan dengan kehendak Islam, dan juga bertentangan dengan kehendak naluri manusia, melainkan bagi golongan yang mengejar kemewahan di atas kerosakan orang lain dan juga dirinya sendiri. Hal ini jelas bahawa naluri manusia itu seiringan dengan kehendak Islam, sehingga dalam sebuah hadis dinyatakan pengiktirafan ini yang bermaksud: "Segala apa yang dianggap baik oleh orang-orang Islam, maka di sisi Allah juga baik" (Mohamad Hashim Kamali1991).

Ini bermakna bahawa jika pencerobohan alam sekitar seperti penggondolan bukit bukau di kawasan tadahan air bagi empangan-empangan tertentu yang menyebabkan pencemaran air tidak dipersetujui oleh masyarakat setempat dan pejuang-pejuang pelindungan alam sekitar, maka ia sebenarnya juga ditentang dan disanggah oleh Islam. Keadaan ini sesuai dengan wahyu Allah (s.w.t.) yang dijelaskan sebelum dan selepas ini. Seterusnya Allah (s.w.t.) menjelaskan lagi sifat orang yang pepat di luar, tetapi rencong di dalam, dalam Surah al-Baqarah, ayat 204 dan 205 yang bermaksud:

*"Dan di antara manusia ada orang yang tutur katanya mengenai hal kehidupan dunia, menyebabkan engkau tertarik hati (mendengarnya), dan ia (bersumpah dengan mengatakan bahawa) Allah menjadi saksi atas apa yang ada dalam hatinya, padahal ia adalah orang yang sangat-sangat keras permusuhaninya (kepadamu). Kemudian apabila ia pergi (dengan mendapat hajatnya), berusahaalah ia di bumi untuk*

*melakukan bencana padanya, dan membinasakan tanam-tanaman dan keturunan (binatang ternak dan manusia); sedang Allah tidak suka kepada bencana kerosakan".*

Dalam Surah Hud, ayat 85, Allah (s.w.t.) berpesan lagi kepada manusia supaya jangan melakukan kerosakan di muka bumi, maksudnya: "...dan janganlah kamu merebakkan bencana kerosakan di muka bumi". Kebakaran hutan, cuaca berjerebu, pencemaran air, runtuhan tanah, bencana banjir dan sebagainya termasuk lapisan ozon menjadi semakin nipis yang menyebabkan peningkatan suhu global, semua ini terjadi akibat daripada tangan-tangan manusia itu sendiri yang tidak menghormati alam sekitar yang dijadikan untuk dinikmati, bukannya untuk dirosakkan atau untuk dimanipulasi bagi kemewahan sesetengah pihak. Allah (s.w.t.) berfirman dalam Surah al-Rum, ayat 41 yang bermaksud:

*"Telah timbul berbagai kerosakan dan bala bencana di darat dan di laut dengan sebab apa yang telah dilakukan oleh tangan manusia; (timbulnya yang demikian) kerana Allah hendak merasakan mereka sebahagian dari balasan perbuatan-perbuatan buruk yang mereka telah lakukan, supaya mereka kembali (insaf dan bertaubat)."*

#### PENCEMARAN AIR

Sesuatu tindakan yang dibuat oleh seseorang yang boleh menyebabkan air tercemar, tidak kira air tersebut di dalam sumber air bawah tanah, air daratan atau air perairan bersambung ke laut, dan ia meliputi sebarang takungan, kolam, tasik, sungai, alur, terusan, parit, mata air, atau perigi, bahagian laut berdekatan pantai dan sebarang bahagian atas atau bahagian bawah air semula jadi atau buatan manusia, tindakan tersebut dikira suatu tindakan salah mengikut undang-undang Islam. Islam sangat mengambil berat hubungan antara individu dengan individu lain dan begitu juga hubungan antara jiran tetangga. Seseorang jiran tetangga tidak boleh membuat sesuatu tindakan yang boleh mencemari air telaga jiran tetangganya. Jika hal sedemikian berlaku, pihak yang telah menyebabkan pencemaran itu berlaku boleh diarahkan supaya memberhentikan tindakannya itu.

Jika hubungan antara individu ini diambil berat oleh Islam, apakah lagi sebarang kepentingan untuk faedah dan manfaat masyarakat umum. Maka ia lebih lagi diberi perhatian yang serius oleh undang-undang Islam.

Jamaluddin Md. Jahi (1996) telah menyenaraikan perundangan dan undang-undang kecil di Malaysia yang berkaitan dengan pencemaran air dan perlindungan sumber air daripada sebarang pencemaran seperti di dalam Jadual 1. Antara akta dan enakmen tersebut, di sini dirujuk satu daripadanya iaitu, seksyen 55(2) dan 55 (3) Akta Jalan, Parit dan Bangunan, 1974, memperuntukan kuasa kepada Pihak Berkuasa Tempatan dan Negeri berkaitan kawalan pencemaran air daratan.

Jadual 1. Senarai perundangan dan undang-undang kecil untuk kawalan pencemaran air

---

- ❖ Akta Kualiti Alam Sekeliling, 1974.
- ❖ Akta Perhutanan Negara, 1984.
- ❖ Akta Jalan, Parit dan Bangunan, 1974.
- ❖ Akta Kerajaan Tempatan, 1976.
- ❖ Enakmen Pemeliharaan Babi, 1980.
- ❖ Akta Perikanan, 1985.
- ❖ Akta Perlombongan Petroleum, 1972.
- ❖ Enakmen Perlombongan, N.M.B. Bab 147.
- ❖ Enakmen Air, 1920.
- ❖ Akta Pemuliharaan Tanah, 1960.
- ❖ Akta Perkhidmatan Pembetungan, 1993.
- ❖ Peraturan-peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Kumbahan dan Efluen Industri), 1979.
- ❖ Peraturan-peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Premis-premis Yang Ditetapkan) (Minyak Sawit Mentah), 1977.
- ❖ Peraturan-peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Premis-premis Yang Ditetapkan) (Getah Asli Mentah), 1978.
- ❖ Perintah Kualiti Alam Sekeliling (Aktiviti Yang Ditetapkan) (Penilaian Kesan Alam Sekitar), 1987.

---

Sumber: Jamaluddin Md. Jahi 1996

Selain daripada seksyen-seksyen di atas, peruntukan seksyen-seksyen 86, 87, 88, 89 dan 90 Akta tersebut diperuntukan bagi menangani kes kacauganggu pencemaran air dan kuasa yang diberikan kepada Pihak Berkuasa Tempatan bagi mengambil tindakan apabila menerima aduan berkaitan dengan pencemaran air.

Apabila dirujuk dalam undang-undang Islam pula, didapati bahawa Islam membawa mesej dan nada yang sama sepetimana kehendak peruntukan-peruntukan di atas. *Majallat al-Ahkam al-cAdliyyah* (Undang-undang Sivil Islam) telah memperuntukkan secara khusus hal berkaitan dengan pencemaran air, iaitu:

*“Sesiapa menggali lubang atau parit atau apa sahaja berhampiran dengan telaga kepunyaan orang lain, dan tindakan itu boleh mencemari air telaga tersebut, dia boleh diarahkan untuk mengawal pekerjaannya itu supaya tidak wujud lagi pencemaran air ke telaga jiran sebelah. Jika tindakan ini telah diambil tetapi masih lagi wujud pencemaran, dia boleh diarahkan supaya memberhentikan pekerjaannya itu atau menutup dan menimbus lubang atau parit yang telah digali itu.” (Al-Qari 1981)*

Walaupun perigi sudah tidak banyak lagi wujud dalam masyarakat bandar, ia masih lagi wujud dalam masyarakat kampung. Tetapi, jika dilihat dari sudut pencemaran air minuman atau air perigi, ia boleh berlaku di mana-mana tempat, sama ada di bandar atau di kampung. Maka bagi maksud pencemaran yang tidak boleh dilakukan dalam peruntukan di atas adalah pencemaran secara tidak langsung ke telaga kepunyaan jiran. Dengan itu, sudah pastilah tindakan pencemaran ke dalam parit dan sungai amat sangat dilarang. Malah pencemaran air yang banyak berlaku pada masa kini adalah pencemaran air secara langsung. Terdapat banyak sungai yang telah dicemari, dan menurut laporan terkini pencemaran air di sebatang sungai di Pontian yang berpunca dari sebuah kilang industri getah telah menyebabkan 50 orang pengusaha penternakan ikan air tawar mengalami kerugian lebih kurang RM500,000.00 disebabkan ikan-ikan yang dipelihara itu mati. Malah bahan buangan ke dalam sungai itu juga telah menyebabkan penyakit kulit. Kejadian ini berlaku disebabkan pembuangan bahan kimia secara tidak terkawal daripada kilang tersebut yang telah menyebabkan ikan yang dipelihara dalam sangkar mengalami keracunan dan mati. Selain daripada pencemaran air, kilang getah itu juga telah menyebabkan keracunan udara (Berita Harian 2005).

#### PENCEMARAN UDARA

Mengikut Jamaluddin Md. Jahi (1996), terdapat beberapa perundungan dan perundungan kecil yang digubal dan boleh digunakan bagi menangani masalah pencemaran udara. Jadual 2 menunjukkan perundungan dan perundungan kecil yang berkaitan.

Sebagai contoh perundungan berkaitan dengan pencemaran udara ialah seksyen 81(1) dan 82(5) Akta Kerajaan Tempatan, 1976. Dalam Islam, seseorang yang membuat sesuatu kerja yang boleh menyebabkan wujudnya pencemaran udara dan mengganggu jiran tetangga atau ahli masyarakat setempat adalah dikira sebagai suatu perbuatan salah yang sewajibnya dihentikan segera. Antara perbuatan yang termasuk dalam

---

Jadual 2. Senarai perundangan dan perundangan kecil kawalan pencemaran udara

---

- ❖ Akta Kualiti Alam Sekeliling, 1974.
  - ❖ Akta Perhutanan Negara, 1984.
  - ❖ Akta Perlombongan Petroleum, 1972.
  - ❖ Akta Kerajaan Tempatan, 1976.
  - ❖ Ordinan Lalulintas Jalan raya, 1958.
  - ❖ Kaedah-kaedah Kereta Motor, 1977.
  - ❖ Undang-undang Kecil (mengikut Majlis Daerah tertentu).
- 

Sumber: Jamaluddin Md. Jahi 1996

perbincangan ini adalah seperti pembakaran sampah. Asap yang terhasil daripada aktiviti tersebut boleh memasuki rumah jiran yang akhirnya menyebabkan ruang udara rumahnya dipenuhi asap dan boleh juga menyebabkan kekotoran pakaian di ampaian. Perbuatan sedemikian tidak menyenangkan jiran tetangga. Orang yang melakukan kesalahan tersebut boleh termasuk ke dalam golongan orang-orang yang tidak dapat masuk syurga seperti mana mafhum hadis Rasulullah (s.a.w.) yang akan diterangkan selepas ini. Bagi kes pencemaran udara ini dalam undang-undang Islam, adalah lebih baik ia dibahagikan kepada dua bahagian untuk memudahkan perbincangan seperti berikut:

### **Bau Busuk dan Asap**

Tidak boleh membuat kacauganggu kepada jiran tetangga yang menyebabkan dia tidak boleh hidup dengan selesa dan aman di dalam rumahnya. Sampah sarap atau apa-apa bahan buangan yang busuk tidak boleh ditempatkan berhampiran dengan rumah jiran. Jiran tetangga akan merasa tidak selesa dengan bau busuk tersebut, lebih-lebih lagi ketika hendak menjamu selera bersama ahli keluarga atau tetamu. Begitu juga perlu dikawal asap yang berlebihan sama ada yang wujud disebabkan pembakaran sampah atau daripada dapur memasak. Jika asap tersebut tidak dikawal dan ia berterusan memasuki rumah jiran, sudah pasti penghuninya merasa tidak tenteram dan mereka tidak dapat hidup dengan selesa. Asap tersebut akan mengganggu sistem pernafasan dan penglihatan di samping ia boleh menyebabkan pakaian berbau busuk. Lebih-lebih lagi jiran kita itu mempunyai anak kecil. Sistem pernafasannya akan terganggu dan akhirnya dia tidak dapat tidur dengan selesa.

Dalam mazhab Hanafi, al-Kasani (w. 587H/1191M) menyatakan dalam penulisannya bahawa sesiapa sahaja boleh menggunakan harta bendanya dengan sesuka hatinya sama ada dengan sedemikian itu boleh

menyebabkan kemudaratan kepada orang lain ataupun tidak. Sebagai contoh, seseorang itu boleh membina di atas tanah kepunyaannya bilik air atau bilik mandi atau kilang kisaran atau tempat pembakaran atau kedai besi atau kedai dobi dan sebagainya, sekalipun dengan pembinaan itu boleh menyebabkan kemudaratan kepada jirannya. Jirannya itu tiada hak untuk menghalangnya daripada mempergunakan haknya dan juga tiada hak untuk memohonnya supaya memindahkan segala pembinaan itu ke tempat lain. Begitu juga, pihak jiran tiada hak untuk memaksanya berbuat sedemikian. Ini adalah kerana dia telah menggunakan harta bendanya di bawah pemunyaannya yang mutlak. Tetapi, jika terdapat apa-apa hak orang lain pada harta tersebut, dia boleh dihalang mempergunakan hartanya itu. Sebaliknya, dia tidak boleh dihalang melainkan halangan itu dilaksanakan di atas asas keagamaan dan keimanan (*diyanah*), yang berteraskan kepada hadis yang bermaksud: "Seseorang itu tidak akan masuk syurga jika jirannya tidak merasa selesa (aman) daripada tindakan-tindakan salahnya" (Sahih Muslim 1929).

Hal yang sama juga dapat dilihat dalam sebuah hadis yang bermaksud: "Tidak beriman seseorang itu apabila jirannya tidak merasa aman dengan tindakan-tindakan salahnya".

Sebuah hadis yang diriwayatkan oleh al-Bukhari daripada Abu Shurayh (r.a.) bahawa Nabi (s.a.w.) bersabda yang bermaksud: "Demi Allah, seseorang itu tidak beriman, demi Allah seseorang itu tidak beriman, demi Allah seseorang itu tidak beriman". Kemudian baginda ditanya, siapa (mereka itu) wahai Rasulullah? Baginda bersabda: "Orang-orang yang mengganggu jirannya dengan tindakan-tindakan salahnya" (Sahih Muslim 1929).

Pendapat para ulama' mazhab Hanafi berkaitan dengan pemunya harta yang boleh mempergunakannya mengikut sesuka hatinya adalah berdasarkan kepada prinsip *qiyyas* (Al-Shafici 1993). Tetapi, mengikut prinsip *istihsan*, pemunya harta boleh mempergunakan hartanya semahunnya selama mana ia tidak menyebabkan atau mendatangkan kemudaratan kepada jirannya. Prinsip ini telah dipegang oleh majoriti ulama' mazhab Hanafi dan mereka telah mengeluarkan fatwa mengikut prinsip itu. Sehubungan dengan itu, Al-Zaylaci (1360) berkata: "Seseorang itu boleh mempergunakan harta bendanya mengikut sesuka hatinya tertakluk kepada keadaan bahawa dia tidak menyebabkan orang lain (jirannya) mengalami kemudaratan yang nyata (*dararan zahiran*)".

Demikian itu, seseorang boleh membina bilik mandi di atas tanahnya dengan alasan bahawa ia tidak mungkin menyebabkan apa-apa kerosakan dan sebarang ketidaksesuaian kepada jiran yang mungkin wujud daripadanya, seperti kelembapan. Bahkan ia boleh dikawal dengan dibina dinding di antara tanahnya dengan tanah jirannya (Al-Zaylaci 1360).

Telah direkodkan bahawa Abu Yusuf, iaitu seorang murid dan sahabat Abu Hanifah, telah berpegang dan bersetuju memutuskan kes-kes kacau-ganggu berdasarkan prinsip *istihsan*. Beliau berpendapat bahawa jika seseorang jiran diganggu oleh asap dengan kuantiti yang banyak yang datang daripada bilik mandi berwaspada kepunyaan jiran sebelah, dia mesti diarahkan supaya mengawal asap tersebut. Walau bagaimanapun, keadaan asap tersebut boleh dibiarkan jika kedua-dua jiran tersebut mempunyai bilik mandi berwaspada dan masing-masing mengeluarkan asap dalam kuantiti yang sama (Al-Zaylaci 1360). Ini bermakna bahawa kedua-dua pihak mereka dan mengizinkan secara tersirat berlakunya keadaan itu.

Sehubungan dengan kes asap ini, seseorang itu tidak dibenarkan membina ketuhar bagi tujuan membakar roti di dalam rumahnya, kerana ia mungkin boleh menyebabkan kemudaratan yang keji kepada jiran tetangga dengan asap yang terhasil daripada dapur ketuhar itu dan berkemungkinan besar dia tidak dapat mengawal asap itu daripada mengganggu jirannya. Begitu juga, dia tidak boleh membina kilang pengisar dan juga kilang dobi dengan alasan yang sama. Walau bagaimanapun, jika mengikut prinsip *qiyyas*, dia tidak dilarang, tetapi dia dilarang dan dihalang mengikut prinsip *istihsan* (Al-Zaylaci 1360).

Justeru, dalam pelaksanaan masa kini, prinsip *istihsan* telah digunakan dalam *Majallat al-Ahkam al-Adliyyah*, iaitu apabila dibina kilang besi atau kilang pengisar padi berdekatan dengan sesebuah rumah dan penghuninya tidak dapat mendiaminya dengan selesa disebabkan asap dan debu-debu yang dikeluarkan oleh relau kilang besi tersebut dan juga kilang pengisar padi, kacau-ganggu itu mesti dihapuskan (Al-Qari 1981). Begitu juga, jika seseorang mendirikan kedai makanan di dalam kawasan rumahnya atau di mana-mana sahaja dan asap yang terbit daripada aktiviti memasak di kedai itu tidak menyenangkan jiran tetangga seperti menyebabkan pakaian menjadi busuk. Jirannya itu boleh memohon supaya kemudaratan yang dia alami dihilangkan.

Hal yang sama juga boleh diambil tindakan jika bau busuk keluar daripada kilang minyak linsid atau tempat menyamak kulit binatang dan sebagainya, yang akhirnya penghuni rumah yang tinggal berhampiran dengan kilang tersebut tidak dapat hidup dengan selesa dan tenteram. Sebaliknya, jika bau busuk itu jarang-jarang sekali berlaku, ia seharusnya tidak perlu dihilangkan (Al-Haskafi *t.th*).

Dalam mazhab Shafici, Ibn Ukhluwwah (w.729H/1328M) menyatakan bahawa bumbung kilang roti mestilah didirikan pada tahap ketinggian yang munasabah serta mempunyai corobong asap yang baik. Pegawai pemeriksa kesihatan (*muhtasib*) mestilah sentiasa membuat pemeriksaan dan mengarahkan supaya ketuhar pembakar roti sentiasa

bersih serta tempat menguli tepung dibasuh dan ditutupi dengan pengalas. Cerobong kilang roti atau apa-apa kilang mestilah dibina pada suatu ketinggian yang munasabah supaya asap dan juga debu atau habuk yang keluar melaluinya tidak mengganggu rumah-rumah jiran yang berdekatan. Pendapat ini disokong oleh Ibn Hazm (w. 456H/1063M), seorang ulama mazhab Zahiri dengan mengatakan:"Seorang Islam tidak diizinkan menyakiti jiran tetangga dengan membiarkan asap daripada cerobong miliknya mengganggu jirannya itu".

Para ulama' mazhab Maliki dan Hanbali juga menegaskan bahawa apa-apa bentuk kacau-ganggu terhadap jiran tetangga seharusnya dihentikan. Oleh kerana itu, segala bentuk gangguan yang kemungkinan boleh menjadi kacauganggu terhadap jiran, sama ada disebabkan oleh asap yang terbit daripada cerobong asap atau dapur pembakar kuih atau bilik mandi berwap; atau disebabkan oleh bau busuk yang datang daripada tempat menyamak kulit binatang atau daripada bilik air, semuanya mesti ditegah (Khalid bin Ishaq 1981). Kemudaratan atau kacau-ganggu tersebut mestilah dihapuskan dengan apa cara sekalipun (Al-Qari 1981). Tetapi, asap yang terbit secara tidak melampau daripada dapur sesebuah rumah atau tempat membakar roti tidak dianggap sebagai kacau-ganggu terhadap jiran, kerana ia dikira sebagai aktiviti keperluan harian. Walau bagaimanapun, jika ia melampau, ia dikira sebagai kemudaratan yang keji (Al-Baji 1912). Ini bermaksud bahawa jika kuantiti asap yang terbit itu banyak dan boleh mengganggu keselesaan kehidupan jiran tetangga, sewajibnya gangguan itu dihapuskan.

### **Debu atau Habuk**

Jika seseorang membina tempat mengisar padi berdekatan dengan rumah orang lain atau kebun seseorang dan debu atau habuk yang terhasil daripada tempat mengisar padi itu mengganggu tuan rumah atau kebun yang berhampiran sehingga dia tidak dapat mendiami di dalam rumahnya atau merosakkan tanaman dalam kebun, maka pemunya pengisar padi itu mesti menghilangkan kemudaratan tersebut. Begitu juga kacauganggu yang disebabkan oleh habuk yang diakibatkan oleh sisa jerami atau sisa jagung kepunyaan seseorang yang dilonggokkan di hadapan rumahnya. Kacauganggu itu mesti dihilangkan (Khalid bin Ishaq 1981).

### **PENCEMARAN SAMPAH SARAP**

Seringkali terdapat laporan melalui akhbar dan juga televisyen berkaitan dengan pencemaran alam sekitar disebabkan pembuangan sampah sarap secara tidak terurus dan tidak mengikut peraturan. Perkara sedemikian bukan hanya menjijikkan pandangan mata, malah boleh mengundang pelbagai jenis penyakit berjangkit. Kawasan yang seringkali terdapat

masalah ini ialah kawasan-kawasan yang tidak diuruskan oleh majlis tempatan. Bagi kawasan-kawasan yang di bawah pentadbiran majlis tempatan, kemungkinan berlakunya kes sebegini ialah masalah meletakkan bahan binaan berhampiran jalan raya tanpa kebenaran bertulis bagi kes kontraktor yang terlibat dengan perluasan sesebuah binaan atau premis. Termasuk juga dalam kes pencemaran sampah ini ialah kes-kes yang melibatkan bahan-bahan buangan terjatuh daripada kenderaan yang bergerak di jalan raya. Terdapat beberapa perundangan dan perundangan kecil yang menangani isu pencemaran sampah sarap di Malaysia. Jadual 3 menyenaraikannya.

Jadual 3. Senarai perundangan dan perundangan kecil kawalan pencemaran udara

- 
- ❖ Akta Jalan, Parit dan Bangunan, 1974 (Akta 133)
  - ❖ Undang-undang Kecil Bangunan Seragam, 1984
  - ❖ Undang-undang Kecil Pasar (Wilayah Persekutuan)
  - ❖ Akta Lembaga Lebuh Raya, 1980
  - ❖ Akta Perhutanan Negara, 1984

---

Sumber: Jamaluddin Md. Jahi 1996

Dalam undang-undang Islam, isu pencemaran sampah sarap dapat dilihat dalam banyak contoh yang telah diutarakan oleh para ulama'. Sekalipun begitu, hal berkaitan dengan pencemaran ini bermula dengan tanggungjawab seseorang itu menjaga dan menghormati jiran tetangganya dengan tidak membuat sesuatu tindakan yang menyakiti hati jirannya. Antara tindakan tersebut ialah membuang sampah sarap di sekitar kawasan rumah yang menyebabkan suasana alam sekitar tidak terjaga dan kotor. Hal ini berasaskan kepada beberapa hadis Rasulullah (s.a.w.) yang bermaksud: "Seseorang itu tidak akan masuk syurga jika jirannya tidak merasa selesa (aman) daripada tindakan-tindakan salahnya" (Sahih Muslim 1929). Dalam hadis lain, Rasulullah (s.a.w.) bersabda yang bermaksud "tidak beriman seseorang itu apabila jirannya tidak merasa aman dengan tindakan-tindakan salahnya".

Dalam hadis lain yang bermaksud:"Demi Allah, seseorang itu tidak beriman, demi Allah seseorang itu tidak beriman, demi Allah seseorang itu tidak beriman". Kemudian baginda ditanya, siapa (mereka itu) wahai Rasulullah? Baginda bersabda: "Orang-orang yang mengganggu jirannya dengan tindakan-tindakan salahnya".

Antara catatan ulama' ialah berkaitan dengan serpihan bangunan yang tidak diurus secara baik. Hal ini banyak dibincangkan oleh dua orang anak murid dan sahabat Abu Hanifah, iaitu Muhammad bin al-

Hasan al-Shaybani dan Abu Yusuf serta para ulama' mazhab Shafici. Mereka mengatakan bahawa serpihan-serpihan runtuh bangunan tidak boleh dibiarkan di atas jalan raya, kerana ia boleh mengganggu masyarakat awam. Jika ia dibiarkan tanpa diambil peduli, maka ia dikira sebagai pencemaran sampah sarap. Dan jika pihak berkuasa telah meminta supaya puin-puin dan serpihan-serpihan tersebut dipindahkan, tetapi pemunyanya tidak mengambil tindakan yang sepatutnya dan akhirnya menyebabkan kecederaan kepada orang lain, pemunyanya bertanggungan (Al-Shafici 1993).

Cuma terdapat sedikit perbezaan pendapat antara Muhammad bin al-Hasan al-Shaybani dan Abu Yusuf berkaitan dengan kes ini dari sudut kuatkuasa notis pemberitahuan supaya puin-puin dan serpihan-serpihan tersebut dipindahkan. Mengikut Muhammad bin al-Hasan al-Shaybani, notis yang diberikan pada waktu sesebuah bangunan itu mengalami kerosakan dan berkecenderungan untuk runtuh berkuatkuasa seterusnya sehinggalah ia runtuh dan mencemari alam sekitar. Sekiranya pemunya bangunan itu tidak membersihkan puin-puin runtuh itu dan ia menyebabkan kematian atau kecederaan kepada orang lain, pemunya bangunan dipertanggungjawabkan.

Berlainan pula dengan pandangan Abu Yusuf yang berpendapat bahawa diperlukan notis pelupusan sampah sarap kali kedua setelah bangunan itu runtuh. Ia tidak boleh bergantung kepada hanya notis pemberitahuan kali pertama sewaktu bangunan itu belum lagi runtuh. Ini adalah kerana notis pertama hanyalah supaya mengawasi bangunan yang berkecenderungan runtuh, bukannya pelupusan puin-puin runtuh. Kes ini dikiaskan dengan kes seseorang meletakkan seketul batu di atas jalan raya dan kemudian batu tersebut dipindahkan oleh seseorang lain ke suatu tempat lain, dan akhirnya mengakibatkan kecederaan kepada seseorang. Dalam kes ini, pihak pertama tidak bertanggungan, kerana kecederaan tidak berlaku secara langsung melalui perbuatannya (Al-Baghadi 1890).

Seterusnya dalam mazhab Shafici yang secara jelas menerangkan bahawa sebarang pencemaran sampah sarap di atas jalan raya sewajarnya dilupuskan oleh pemiliknya. Jika sampah sarap tersebut telah menyebabkan kecederaan kepada orang lain, pemiliknya bertanggungan. Melainkan sampah sarap tersebut dilonggokkan di atas tanah pemilik itu sendiri tanpa mewujudkan kacau ganggu kepada orang lain. Maka dalam kes ini, pemilik tidak perlu diberi notis pelupusan sampah sarap (Al-Nawawi 1958). Jelasnya perkara yang ditekankan di sini ialah jika pencemaran itu melibatkan orang ramai dan masyarakat awam serta melibatkan harta benda awam seperti jalan raya, maka pihak berkuasa awam boleh mengambil tindakan sewajarnya kepada pemilik sampah sarap supaya melupuskannya.

Membuang sampah sarap atau menjatuhkan sebarang benda di tempat-tempat awam atau di jalan raya merupakan suatu kesalahan kerana ia boleh mengganggu ketenteraman awam. Oleh kerana itu, menurut undang-undang Islam, sekalipun seseorang itu menggunakan haknya, tetapi ia boleh mewujudkan risiko kepada orang lain, dia bertanggungan terhadap sebarang kerosakan yang berlaku. Sebagai contoh, jika seseorang itu membawa longgokan kayu di atas jalan raya dan sebahagian daripada kayu itu terjatuh dan menyebabkan kecederaan kepada orang lain, pemilik kayu itu bertanggungjawab (Al-Baghdaadi 1890).

Begitu juga undang-undang Islam sangat melarang seseorang itu daripada menempatkan atau meletakkan atau membuang atau membenarkan ditempatkan sebarang batu, kelikir, longgokan tanah, pasir atau lain-lain benda di atas jalan raya atau di sesuatu tempat perhimpunan awam tanpa kebenaran undang-undang. Jika tindakan tersebut dilakukan dan ia boleh menyebabkan kecederaan atau kerosakan kepada orang lain, pemilik benda-benda itu bertanggungan (Al-Haskafi t.th). Jika keadaan tersebut dilakukan oleh seseorang, maka pihak berkuasa tempatan sewajibnya mengarahkan semua benda-benda yang ditempatkan di tempat-tempat awam tersebut dipindahkan atau dilupuskan.

#### PENCEMARAN BUNYI BISING

Berkaitan dengan pencemaran bunyi bising ini, Jamaluddin Md. Jahi (1996) menyatakan bahawa peruntukan undang-undang bagi menangani hal ini merupakan suatu peruntukan sampingan dalam akta-akta tertentu, seperti dalam Akta Kilang dan Jentera, 1967 dan Akta Penerangan Awam, 1969. Walaupun begitu, terdapat dalam Akta Kerajaan Tempatan, 1976 yang menyediakan peruntukan secara jelas berkaitan dengan pencemaran bunyi bising yang dikira sebagai kacauganggu, sama ada disebabkan oleh binatang atau lain-lain. Cuma terdapat sesetengah ahli masyarakat yang tidak memahami hasrat Akta tersebut yang menguakuasakan peraturan lesen anjing, di mana seseorang yang ingin memelihara anjing, dia sewajibnya membuat permohonan kepada Pihak Berkuasa Tempatan terlebih dahulu bagi mendapatkan lesen pemeliharaan anjing. Isu penguatuasaan peraturan lesen anjing dikaitkan dengan isu lain yang tidak berkaitan, tetapi agak sensitif kepada umat Islam, iaitu isu pencemaran bunyi dari salakan anjing telah dibandingkan dengan isu laungan azan di masjid-masjid, terutamanya pada waktu subuh. Padahal, isu sebegini tidak berbangkit, kerana ia bukan hanya berkaitan dengan isu pencemaran bunyi, tetapi ia berkait rapat dengan isu keselamatan kepada ahli masyarakat. Jika hal sebegini betul-betul difahami, kes serangan anjing ke atas Muhammad Hazman Khan Seh

Zahidi, kanak-kanak berusia 9 tahun pada 18 Mac 2005 yang terpaksa menerima 180 jahitan dan juga kes serangan anjing ke atas Rajeshwaran, seorang kanak-kanak berusia 10 tahun pada 28 Mac 2005 yang terpaksa menerima 28 jahitan tidak berlaku dan tidak akan berulang lagi.

Selain daripada beberapa Akta yang telah disenaraikan di atas yang mempunyai peruntukan berkaitan bunyi bising, terdapat juga undang-undang kecil di peringkat kerajaan tempatan yang mewujudkan peruntukan-peruntukan khusus bagi menangani masalah pencemaran bunyi bising, seperti Undang-undang Kecil Perlesenan Tred, Perniagaan dan Perindustrian (Majlis Daerah Hulu Langat) 1987.

Dalam undang-undang Islam, hal ehwal berkaitan dengan pencemaran bunyi bising ini telahpun dibincangkan oleh para ulama'. Umumnya, mereka melarang sebarang pencemaran bunyi bising yang melampau yang tidak sepatutnya dilakukan, kerana ia boleh mengganggu ketenteraman dan keselesaan masyarakat awam dalam menikmati manfaat penggunaan premis yang diduduki oleh seseorang.

Maka dengan itu, seseorang tidak boleh mengganggu ketenteraman dan keselesaan jiran tetangga dengan membuat bising, sama ada bising itu terhasil secara menjerit-jerit, atau suara radio atau televisyen dibuka dengan kuat, atau bermain alat-alat muzik seperti gitar, piano dan sebagainya secara tidak terkawal, dan lain-lain lagi. Kebisingan tidak boleh dilakukan, kerana ia akan mengganggu ketenteraman jiran tetangga. Mungkin ketika itu mereka sedang berbual-bual dengan tetamu mereka, atau sedang membaca surat khabar, atau sedang bermain-main dengan ahli keluarga, atau sedang menidurkan anak kecil mereka dan sebagainya. Justeru, kita seharusnya memahami hak mereka sebagai jiran kita dan juga hak dan tanggungjawab kita kepada ahli-ahli jiran tetangga kita.

Mengikut undang-undang tort Islam, secara dasarnya seseorang itu tidak boleh ditegah daripada menggunakan harta kepunyaannya sepertimana yang dia kehendaki. Walau bagaimanapun, jika daripada penggunaan tersebut mengakibatkan atau menyebabkan kemudaratuan yang keji kepada jiran tetangga, pihak yang melakukannya mesti ditegah dan dihalang. Oleh kerana itu, jika pihak defendant melakukan sesuatu dengan niat jahat, seperti meniup wisel, memukul gendang atau talam atau dulang, menjerit dengan kuat atau nyaring, memukul-mukul dinding dan sebagainya yang menyebabkan pihak plaintiff merasa tidak selesa dengan keadaan bising itu, perbuatan pihak defendant mestilah dilarang. Ini adalah kerana ia menimbulkan kacauganggu. Sehubungan dengan itu, jika sebuah bengkel besi dibina berdekatan dengan kawasan perumahan atau berdekatan dengan sesebuah rumah kediaman, dan penghuninya tidak dapat mendiaminya dengan selesa disebabkan kebisingan daripada bengkel tersebut, bengkel itu semestinya ditutup.

Keadaan kes seperti di atas telah ditanggapi dan disebut oleh Ibn Qudamah (620H/1223M), seorang ulama' mazhab Hanbali, yang telah merekodkan suatu peraturan istimewa berkenaan dengan kes ini dalam tulisannya. Beliau telah berkata: "Sesungguhnya seseorang itu ditegah ketika menggunakan harta kepunyaannya apabila sesuatu kerosakan atau kemudaratan boleh berlaku terhadap jirannya". Oleh kerana itu, bunyi bising yang terhasil daripada pukulan dan ketukan di kedai dobi atau kilang besi mesti dihentikan. Begitu juga, jika sebuah bengkel pemerosesan kapas dibina berhampiran dengan sesebuah rumah dan penghuninya tidak dapat tinggal di dalamnya dengan selesa disebabkan bunyi bising daripada kerja-kerja di bengkel tersebut, bengkel itu semestinya dipindahkan atau ditutup.

Kes kebisingan ini juga telah dibincangkan dengan jelas oleh para ulama' mazhab Maliki. Seorang daripada mereka, iaitu Ibn cUttab (462H/1069M), mengatakan:

*"Para ulama' dalam negeri kami berselisih pendapat mengenai kes seseorang melakukan sesuatu di dalam rumahnya yang boleh menyebabkan kacauanggu dan kebisingan, seperti seorang tukang besi yang menjalankan kerja dibengkelnya. Sebahagian daripada mereka berkata: "Tukang besi itu harus ditegah daripada meneruskan kerjanya sama ada bunyi bising itu terjadi pada waktu malam atau pada waktu siang hari". Sebahagian yang lain pula berkata: "Dia sepatutnya tidak ditegah". Ibn Sacid berkata: "Para ulama' kami bersepakat mengatakan bahawa tukang besi harus ditegah daripada melakukan kerjanya pada waktu malam jika kebisingan di bengkelnya boleh mengganggu jiran tetangganya. Sebaliknya, dia tidak harus ditegah daripada menjalankan kerja-kerjanya pada waktu siang hari".*

Berhubung dengan kes bising ini, Ibn Rushd (595H/1198M) telah memberi pandangan umum dengan mengatakan bahawa bunyi bising yang wujud daripada kerja-kerja tukang besi atau tukang dobi atau tukang menggaruk kapas tidak ditegah. Pendapat Ibn Rushd ini didapati bersamaan dengan pendapat Khalil b. Ishaq (776H/1374M) yang berpendapat bahawa undang-undang tidak menghalang gangguan bunyi bising yang terhasil daripada suara riuh rendah, atau yang disebabkan oleh pekerja-pekerja yang menjalankan pekerjaan mereka, seperti tukang dobi ketika melakukan kerja-kerja dobi. (Al-Mawaq 1992). Ini juga merupakan pendapat Matraf (220H/835M) dan Ibn al-Majishun (212H/827M) (Al-Mawaq 1992). Ia tidak ditegah sebab kebisingan yang terhasil daripada kerja-kerja tukang dobi biasanya tidak menyebabkan kemudaratan yang keji dan kacauanggu yang berterusan kepada jiran

tetangga. Walau bagaimanapun, jika ia menyebabkan kemudaratan yang keji di samping kacauganggu yang berpanjangan, seperti bunyi bising daripada pekerja-pekerja yang sedang bekerja di kilang tembaga, atau pekerja-pekerja yang sedang mendobi baju (memukul-mukul pakaian yang didobi), atau bunyi bising daripada kilang pengisar tepung, maka ia haruslah ditegah dan dilarang beroperasi seperti mana dalam kes bau busuk yang juga harus dihentikan (Al-Mawaq 1992). Berkenaan dengan kacauganggu bunyi bising ini, Ibn al-Qasim (191H/806M) secara ringkas menyebutkan bahawa kebisingan yang berhasil daripada kilang pengisar tepung yang boleh mengganggu jiran tetangga semestinya dihentikan (Al-Mawaq 1992).

Seterusnya, para ulama mazhab Maliki membincangkan bunyi bising yang wujud daripada suara kanak-kanak sekolah yang sedang belajar. Kes ini dengan jelas tidak dianggap sebagai kesalahan tort kacauganggu kepada jiran tetangga, melainkan suara atau bunyi bising itu berhasil daripada aktiviti-aktiviti ketika bermain. Kes-kes lain yang juga boleh menjadi kesalahan tort kacauganggu terhadap jiran ialah seperti bunyi bising muzik yang datang daripada guru muzik, atau bunyi bising daripada ayam hutan yang dipelihara untuk tujuan berkokok, atau bunyi bising daripada burung terkukur yang dipelihara untuk tujuan mendengar suaranya (Al-Dusuqi *t.th*). Selain itu, kacauganggu bising boleh juga berlaku jika seseorang membina kandang binatang berhampiran dengan rumah jirannya dan jirannya itu tidak dapat tidur dengan sempurna disebabkan gangguan bunyi bising daripada pergerakan binatang yang berada di dalam kandang tersebut, di samping bau busuk tahi dan air kencing binatang itu (Al-Dusuqi *t.th*).

Kes-kes kacauganggu pencemaran bunyi bising yang dinyatakan di atas bersamaan dengan satu kaedah fiqh yang bermaksud: "Menolak kemudaratan atau kejahatan lebih utama daripada menarik manfaat". Ia bermaksud bahawa seseorang itu dibenarkan menjalankan apa-apa aktiviti mengikut kemahuannya yang dia suka di atas tanah kepunyaannya selagi dengan penggunaan itu tidak menyebabkan kerosakan kepada orang lain atau jiran tetangganya. Jika ia boleh menyebabkan kemudaratan kepada jiran tetangganya, aktivitinya itu harus dihentikan. Rasulullah (s.a.w.) secara umumnya melarang seseorang itu daripada melakukan kemudaratan atau kerosakan kepada jiran tetangga. Ini jelas tergambar dalam hadisnya yang diriwayatkan oleh Abu Hurayrah (r.a.) (w. 58H/677M or 59H/678M) yang bermaksud: "Seseorang itu tidak akan masuk syurga apabila jirannya tidak merasa aman (selesa) daripada tindakan-tindakan salahnya" (Sahih Muslim 1929).

Perkataan "tindakan-tindakan salah" dalam hadis di atas dapat diuraikan sebagai merangkumi kesemua jenis tindakan salah, termasuk

melakukan sesuatu aktiviti yang boleh menghasilkan bunyi bising kepada jiran tetangga. Dengan bising tersebut dia tidak dapat hidup dan menjalankan aktiviti harian dengan selesa di dalam rumahnya.

### KESIMPULAN

Daripada perbincangan yang lalu dapatlah dikatakan bahawa Islam juga memperuntukkan perbincangan berkaitan pelbagai pencemaran tersebut secara menyeluruh. Asasnya telah disentuh oleh al-Qur'an yang sama sekali menegah umat manusia melakukan sebarang kerosakan di atas muka bumi ini. Perkara ini kemudiannya dilebarkan lagi perbincangan melalui hadis-hadis Rasulullah (s.a.w.) yang memerintahkan kepada umat manusia supaya bersikap baik dengan jiran tetangga. Perkara ini juga akhirnya dibincangkan secara langsung oleh para ulama' dalam semua mazhab sunni berkaitan dengan pencemaran alam sekitar dalam penulisan-penulisan mereka. Jika dilihat keseluruhan perbincangan berkaitan dengan alam sekitar ini, sama ada dalam al-Qur'an, hadis atau pendapat para ulama', kesemuanya melarang sebarang aktiviti yang boleh menyebabkan pencemaran alam sekitar demi menjaga kesejahteraan umat manusia dan secara langsungnya Islam menyokong penuh kesemua statut yang memperuntukkan undang-undang pengawalan dan pencegahan sebarang bentuk pencemaran alam sekitar.

### RUJUKAN

- Al-Baghdadi, Abu Muhammad bin Ghani. 1308H/1890M. *Majmac al-Damanat*. Al-Qahirah: al-Matbacah al-Khayriyyah bi al-Jamaliyyah.
- Al-Baji, Abu al-Walid. 1331H/1912M. *Al-Muntaqa*. Al-Qahirah: Matbacah al-Sacadah.
- Al-Dusuqi, Shams al-Din. t.th. *Hashiyat al-dusuqi cala al-sharh al-kabir li al-dardir*. Al-Qahirah: Dar Ihya' al-Kutub al-cArabiyyah cIsa al-Babi al-Halabi.
- Al-Haskafi, Muhammad 'Ala' al-Din. t.th. *Sharh al-Durr al-Mukhtar*. Al-Qahirah: Maktabah wa Matbacah Muhammad cAliy Sabih wa Awladuh.
- Al-Mawaq, Abu cAbd Allah Muhammad b. Yusuf. 1412H/1992M. *Al-Taj wa al-Iklil li Mukhtasar Khalil*. Dar al-Fikr.
- Al-Nawawi, Muhy al-Din Abu Zakariyya Yahya b. Sharaf. 1377H/1958M. *Minhaj al-talibin*. 1349H/1929M. *Sahih Muslim bi sharh al-nawawi*. Al-Matbacah al-Misriyyah.
- Al-Qari, Ahmad bin cAbd Allah. 141H/1981M. *Kitab majallat al-ahkam al-sharciyyah*. Saudi Arabia: Matbacat Tihamah.
- Al-Shafici, Muhammad bin Idris. 1413H/1993M. *Al-Umm*. Beirut: Dar al-Kutub al-cIlmiyyah.
- Al-Zaylaci, Fakhr al-Din. 762H/1360M. *Tabyin al-haqa'iq sharh kanz al-daqa'iq*. Al-Qahirah: Dar al-Kitab al-Islami.

- Berita Harian.* 2005. 18 April.
- Jamaluddin Md. Jahi. 1996. *Impak pembangunan terhadap alam sekitar*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Khalil bin Ishaq. 1401H/1981M. *Mukhtasar*. Dar al-Fikr.
- Mohamad Hashim Kamali. 1991. *Principles of Islamic jurisprudence*. Cambridge: Islamic Texts Society.

*Jabatan Syariah  
Fakulti Pengajian Islam  
Universiti Kebangsaan Malaysia  
43600 UKM, Bangi, Selangor D.E., MALAYSIA.*